



**HANDBOOK ON THE  
ESTABLISHMENT AND IMPLEMENTATION  
OF BANDAR LESTARI-ENVIRONMENT AWARD**



**BUKU PANDUAN  
PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN  
BANDAR LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Joy Jacqueline Pereira  
Patrick Tan Hock Chuan  
Ahmad Fariz Mohamed  
Shaharudin Idrus  
Abdul Samad Hadi



Jabatan Kerajaan Tempatan  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Institut Alam Sekitar dan Pembangunan  
Institute for Environment and Development  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



**HANDBOOK ON THE  
ESTABLISHMENT AND IMPLEMENTATION  
OF BANDAR LESTARI-ENVIRONMENT AWARD**

**BUKU PANDUAN  
PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN  
BANDAR LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Joy Jacqueline Pereira  
Patrick Tan Hock Chuan  
Ahmad Fariz Mohamed  
Shaharudin Idrus  
Abdul Samad Hadi

2008



Jabatan Kerajaan Tempatan  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Institut Alam Sekitar dan Pembangunan  
Institute for Environment and Development  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Copyright

Department of Environment (DOE)  
Ministry of Natural Resources and Environment (NRE), 2008

Institute for Environment and Development (LESTARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2008

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or in any information storage and retrieval system, without prior permission in writing from the Publishers.

*Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit bersama.*

Authors / Pengarang :

Joy Jacqueline Pereira, Patrick Tan Hock Chuan, Ahmad Fariz Mohamed,  
Shaharudin Idrus, Abdul Samad Hadi

Editorial Assistant / Pembantu Editor : Jeingim @Jenne Lajuni

Printed by / Dicetak oleh :

Gempita Maju Sdn. Bhd.  
25-1, Lorong 6A/91, Taman Shamelin Perkasa, 51600 Kuala Lumpur

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in-Publication Data

Handbook on the establishment and the implementation Of Bandar Lestari-environment award = Buku panduan pembentukan dan pelaksanaan Bandar Lestari-anugerah alam sekitar / Joy Jacqueline Pereira... [et al.]

ISBN 978-983-9444-90-2

1. Urbanization—Malaysia—Handbooks, manual, etc. 2. City planning—Malaysia—Handbooks, manual, etc. I. Pereira, Joy Jacqueline, 1965-307.7609595

# CONTENTS / KANDUNGAN

## MESSAGES

### KATA-KATA ALUAN

Director General of Environment 6  
*Ketua Pengarah Alam Sekitar*

Director General of Local Government Department 7  
*Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan*

Director of Institute for Environment and Development (LESTARI) 8  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
*Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)*  
Universiti Kebangsaan Malaysia

ACKNOWLEDGEMENT / PENGHARGAAN 9

BACKGROUND / LATAR BELAKANG 14

ASPIRATIONS / ASPIRASI 15

CONCEPT / KONSEP 15

DEFINITION / DEFINISI 16

OBJECTIVES / OBJEKTIF 17

EVALUATION CRITERIA 17

### KRITERIA PENILAIAN

Approach / Pendekatan 18

Physical Environment / Persekitaran Fizikal 19

Ecological Initiatives / Inisiatif Ekologi 19

Environmental Governance / Pentadbiran Alam Sekitar 20

Education And Awareness / Pendidikan dan Kesedaran 21

Urban Environmental Services / Perkhidmatan Alam Sekitar 21

<b>SELECTION PROCESS / PROSES PEMILIHAN</b>	<b>22</b>
Category 1 / Kategori 1	22
Category 2 / Kategori 2	24
Category 3 / Kategori 3	25
<b>EVALUATION PROCESS / PROSES PENILAIAN</b>	<b>26</b>
Evaluation of City Brief / Penilaian Ringkasan Bandar	26
Evaluation of Physical Parameters / Penilaian Parameter Fizikal	27
Opinion Survey / Soal Selidik Pendapat Awam	27
Field Assessment / Penilaian Lapangan	28
<b>ORGANISATIONAL STRUCTURE / STRUKTUR ORGANISASI</b>	<b>28</b>
Ministerial Selection Panel / Panel Pemilihan Menteri	28
Steering Committee / Jawatankuasa Pemandu	29
Assessment Panels / Panel Penilai	29
Secretariat / Urus setia	31
<b>RECOGNITION / PENGIKTIRAFAN</b>	<b>31</b>
<b>SUSTAINABILITY OF THE PROGRAMME / KELESTARIAN PROGRAM</b>	<b>32</b>
<b>LIST OF FIGURES / SENARAI RAJAH</b>	
Figure 1 : Bandar Lestari - Environment Award : Assessment Criteria Rajah 1 : Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar : Kriteria Penilaian	<b>18</b>
Figure 2 : Bandar Lestari - Environment Award : Category 1 : Ranking and Awarding Process Rajah 2 : Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar : Kategori 1 : Proses Penarafan dan Penganugerahaan	<b>23</b>

Figure 3 : Bandar Lestari - Environment Award : Category 2 : Awarding Process	<b>24</b>
<i>Rajah 3 : Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar : Kategori 2 : Proses Penganugerahaan</i>	
Figure 4 : Bandar Lestari - Environment Award : Category 3 : Awarding Process	<b>25</b>
<i>Rajah 4 : Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar : Kategori 3 : Proses Penganugerahaan</i>	
Figure 5 : Organisation Chart for the Award Programme	<b>30</b>
<i>Rajah 5 : Carta Organisasi untuk Program Anugerah</i>	

#### **APPENDICES / LAMPIRAN**

Appendix 1 : Information Requisition Form <i>Lampiran 1 : Borang Perolehan Maklumat</i>	<b>33</b>
Appendix 2 : Opinion Survey Form <i>Lampiran 2 : Borang Soal Selidik Pendapat Awam</i>	<b>38</b>
Appendix 3 : Field Evaluation Guidelines <i>Lampiran 3 : Borang Panduan Penilaian Lapangan</i>	<b>43</b>
Appendix 4 : Field Evaluation Checklist <i>Lampiran 4 : Borang Senarai Semak Penilaian Lapangan</i>	<b>44</b>

## MESSAGES / KATA-KATA ALUAN

Director General of Environment / *Ketua Pengarah Alam Sekitar*

The Department of Environment is glad to have successfully completed the second cycle of the Bandar Lestari-Environment Award, which led to the publication of this handbook

entitled HANDBOOK ON THE ESTABLISHMENT AND IMPLEMENTATION OF BANDAR LESTARI-ENVIRONMENT AWARD.

The Bandar Lestari-Environment Award is based on a dynamic concept of environmental governance of cities and towns. The Award Programme aims to recognise city administration in continuously integrating sustainability elements into their planning and systematic environmental improvement of their cities that can be quantitatively measured. I hope this Handbook would be helpful for City and Municipal Councils, as well as the Local Authorities in promoting environmental awareness to the public as well as planning programmes to better the lives of urban people.

I would like to record our appreciation and many thanks to the Institute for Environment and Development (LESTARI), UKM for their tremendous effort and time in publishing this Handbook.

*Jabatan Alam Sekitar amat berbangga kerana telah berjaya melengkapkan kitaran kedua Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar dengan terbitnya BUKU PANDUAN PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN BANDAR LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR.*

*Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar adalah berasaskan kepada konsep dinamik mengenai governans persekitaran bandaraya dan bandar. Program penganugerahan ini bertujuan untuk mengiktiraf usaha pengurus bandar yang mengintegrasikan unsur-unsur kelestarian dalam perancangan secara berterusan dan menambah baik persekitaran yang bersistem kepada bandar-bandar melalui ukuran kuantitatif. Saya berharap Buku Panduan ini dapat membantu Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran, serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempromosi kesedaran alam sekitar kepada penduduk serta merancang program-program untuk menambah baik kehidupan penduduk bandar.*

*Saya ingin merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih kami kepada Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM kerana usaha serta masa yang digunakan untuk menerbitkan Buku Panduan ini.*

DATO' HAJAH ROSNANI IBRAHIM

## MESSAGES / KATA-KATA ALUAN

Director General of Local Government Department  
*Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan*



First and foremost I would like to congratulate the Department of Environment and the Institute for Environment and Development (LESTARI), UKM for coming up with the HANDBOOK ON THE

ESTABLISHMENT AND IMPLEMENTATION OF BANDAR LESTARI-ENVIRONMENT AWARD.

The Department of Local Government is indeed privileged to share the auspicious occasion on the successful implementation of the Bandar Lestari-Environment Award. It is this very spirit of collaboration and active engagement that enables us to witness endeavours that have contributed to significant improvements in the urban environment. The biggest challenge as yet would be to engage more with the private sector and the public; working in tandem to move beyond what has been achieved today. Valuable inputs into this program can contribute much to changes that benefits the general public.

*Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Alam Sekitar dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM kerana telah berjaya menerbitkan BUKU PANDUAN PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN BANDAR LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR.*

*Jabatan Kerajaan Tempatan berasa amat bertuah kerana dapat berkongsi kejayaan pelaksanaan Bandar Lestari – Anugerah Alam Sekitar. Hasil kerjasama yang erat dan penyertaan yang aktif daripada semua pihak telah menyumbang kepada penambahbaikan persekitaran bandar. Cabaran terbesar pada masa yang akan datang adalah untuk melibatkan penyertaan sektor swasta dan awam secara seiringan ke arah kelestarian bandar. Input bernilai yang telah diterapkan ke dalam program ini boleh menyumbang kepada perubahan untuk kemanfaatan orang awam.*



Y. BHG. DATIN ARPAH BINTI ABDUL RAZAK

**MESSAGES / KATA-KATA ALUAN****Director of Lestari, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Pengaruh LESTARI, Univeristi Kebagsaan Malaysia**

First and foremost, I would like to congratulate the Department of Environment (DOE) and the Department of Local Government of the Ministry of Housing and Development for their success in bringing the Bandar Lestari-

Environment Award into its second cycle, as reported in this HANDBOOK ON THE ESTABLISHMENT, AND IMPLEMENTATION OF BANDAR LESTARI-ENVIRONMENT AWARD.

LESTARI, UKM was established on 1st October 1994 as a multidisciplinary institute with the intention of addressing research with an integrated approach to deal with environmental issues and capacity building in sustainable development. As a research institute that undertakes research programmes with a multidisciplinary and transdisciplinary approach, LESTARI has succeeded in proving that holistic research leaves a positive impression upon policy, governance and societal development processes. This is vital in providing the right foundation for authorities to improve the quality of life of its citizens. In this context, we are proud to have participated in the second cycle of the Bandar Lestari-Environment Award Programme with DOE and other partners.

The Bandar Lestari-Environment Award Programme plays an important role in the implementation of the National Policy on the Environment. We look forward to a continuation of the synergistic partnership that has been developed with DOE in the quest to achieve Environmental Sustainability.

Finally, I hope that this compact Handbook will assist Local Authorities in their efforts to better manage their respective areas for sustainability of all citizens and the environment.

**PROFESSOR DR. MAZLIN BIN MOKHTAR**

*Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas kejayaan membawa Bandar Lestari- Anugerah Alam Sekitar kepada kitaran yang kedua, seperti yang dinyatakan dalam BUKU PANDUAN PEMBENTUKANDAN PELAKSANAAN BANDAR LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR ini.*

*LESTARI, UKM telah ditubuhkan pada 1hb Oktober 1994 sebagai institut multidisiplin dengan tujuan untuk menumpukan perhatian kepada penyelidikan yang berpendekatan integrasi sebagai menangani isu-isu persekitaran dan pembangunan keupayaan dalam pembangunan lestari. Sebagai institut penyelidikan yang melakukan program penyelidikan menggunakan pendekatan multidisiplin dan transdisiplin, LESTARI telah berjaya menyediakan pendekatan holistik yang memberi gambaran yang positif dalam polisi, goman dan proses kemajuan masyarakat. Ini adalah penting utuk memberi asas yang betul bagi pihak berkuasa untuk memperbaiki kualiti kehidupan kepada penduduk. Dalam konteks ini, kami berasa bangga kerana dapat melibatkan diri dalam kitaran kedua Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar bersama JAS dan rakan-rakan kongsi yang lain.*

*Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan Dasar Alam Sekitar Negara. Kami memandang ke hadapan dalam perkongsian erat yang telah diwujudkan yang telah diwujudkan bersama JAS dalam usaha mencapai Kelestarian Persekitaran.*

*Akhir sekali, saya berharap Buku Panduan ini boleh membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha mereka untuk menguruskan kawasan mereka masing-masing untuk kelestarian penduduk dan alam sekitar.*

**ACKNOWLEDGEMENT / PENGHARGAAN**  
**BANDAR LESTARI - ENVIRONMENT AWARD 2006/2007**  
**BANDAR LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR 2006/2007**

Members of the Ministerial Selection Panel / *Ahli Jawatankuasa Peringkat Menteri*

**Chairman / Pengerusi :**

Y.B. Dato' Seri Azmi Bin Khalid  
Minister of Natural Resources and Environment

**Members / Ahli :**

Y.Bhg. Datuk Suboh bin Mohd Yassin  
Secretary-General Ministry of Natural Resources and Environment

Y.Bhg. Dato' Hajah Rosnani binti Ibarahim  
Director General of Environment

Encik Patrick Tan Hock Chuan  
Strategic Communication Division Department of Environment

Assoc. Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira  
Institute for Environment and Development LESTARI, UKM

Members of the Steering Committee / *Ahli Jawatankuasa Pemandu*

**Co Chairs / Pengerusi Bersama :**

Y.Bhg. Dato' Hajah Rosnani Ibarahim  
Director General of Environment

Y.Bhg. Datin Arpah Abdul Razak  
Director General of Local Government Department

**Members / Ahli :**

Encik Patrick Tan Hock Chuan  
DOE

Encik Ramli Abdul Rahman  
DOE

Y.Bhg. Dato' Ghazali Dato' Yusoff  
Business Council for Sustainable  
Development Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abd. Samad Hadi  
LESTARI., UKM

Assoc. Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira  
LESTARI, UKM

Dr. Ahmad Fariz  
LESTARI, UKM

Encik Shahrudin Idrus  
LESTARI, UKM

Tuan Haji Fadzil Mustafa  
Local Government Department

Encik Ramli Zulkifli  
Town and Country Planning Department

Encik William Ahlan  
Environment Protection Department  
Sabah

Encik Mohd Adnan Md. Dom  
Indah Water Konsortium Sdn.Bhd

Encik Chiew Hai Wah  
Kualiti Alam Sd. Bhd

Dr.Uzir Abdul Malik  
Southern Waste Management

Dr.K.M.Loie  
Malaysian International Chamber of  
Commerce and Industry (MICCI)

Encik Yong Soo Heong  
BERNAMA

Encik Sharin Aminullah  
Malaysia Tourism Promotion Board

Encik Taha bin Yusoff  
Malaysia Tourism Promotion Board

Encik Mohd Azhar Helmi Soo  
CIDB

Puan Rozilah Ibrahim  
Alam Flora Sdn. Bhd

Cik Loga Sunthri a/p Veeraiah  
FOMCA

Encik Tiah Oon Ling  
REHDA

Members of the Independent Assessment Panel / *Ahli Panel Penilai Bebas*

**Category 1 / Kategori 1**

Panel Leader / *Ketua Panel* :

Y.Bhg. Dato' Dr. Hashim  
Bin Abdul Wahab

Members / *Ahli* :

Y.Bhg. Datuk Patrick Sindu  
Y. Bhg. Datin Susheila Beatrice  
Vethavanam Mc Coy  
Prof. Madya Indahsah Binti Haji Sidek  
Encik Ramli Bin Zulkifli

**Category 2 / Kategori 2**

Panel Leader / *Ketua Panel* :

Y. Bhg. Dato' Ghazali Bin Dato' Yusoff

*Ahli / Members* :

Puan Nellie Ng Binti Abdullah  
Dr.Kalithasan a/l Kailasam  
Ar. Mohammad Shah Bin Dato' Sanad  
Encik Taha bin Yusoff

**Category 3/ Kategori 3**

Panel Leader / *Ketua Panel* :

Dr. Ahyar bin Idris

*Ahli / Members*:

Encik Phang Fatt Kong  
Cik Loga Sunthri a/p Veeraiah  
Puan Siti Fatimah Binti Abu Idrus  
Puan Tan Suat Eam  
Encik Thiagarajan Nadeson

Members of Department of Environment Assessment Panel  
*Ahli-Ahli Panel Penilai Jabatan Alam Sekitar*

Puan Herzy Noor Waidah Waty binti Aris	Terengganu
Cik Siti Nafhatun Huwaina binti Rashid	Terengganu
Cik Siti Rusliza binti Mokhtar	Selangor
Encik Mohd Shukri Noh	Selangor
Puan Hadijah binti Ali	Melaka
Puan Kamilah binti Wan Zahid	Kuala Lumpur
Puan Shaliza binti Shaharum	Sarawak
Encik Mohd Lokman bin Othman	Sarawak
Encik Hasmadi bin Osman	Sarawak
Encik Maznuri bin Mohd Hashim	Sarawak
Puan Hamidah binti Shamsudin	Sarawak
Encik Raymond Alim @ Godtol	Sarawak
Encik Husin bin Ayup	Sarawak
Cik Chai Hsieh Nee	Sabah
Encik Mohd Hisham bin Mohd Hashim	Pahang
Encik Yahya bin Abdullah	Pahang

Secretariat / *Urus Setia*

*Joint Chairs / Pengerusi Bersama :*

Puan Choong Mei Chun	DOE Putrajaya ( <i>bermula Dis 2007</i> )
Encik Patrick Tan Hock Chuan	DOE Putrajaya ( <i>sehingga Dis 2007</i> )
Prof. Dato' Dr. Abdul Samad Hadi	LESTARI, UKM

*Members / Ahli :*

YM Raja Aminah binti Raja Bakar	DOE Putrajaya ( <i>bermula Feb 2008</i> )
Encik Mohd Faisal bin Alias	DOE Putrajaya ( <i>bermula Feb 2008</i> )
Encik Ramli bin Abdul Rahman	DOE Putrajaya ( <i>sehingga Feb 2008</i> )
Encik Mohd Faizul Hilmi bin Zulkifli	DOE Putrajaya ( <i>sehingga Feb 2008</i> )
Cik Kamariah binti Abdullah Khairi	DOE Putrajaya
Encik Mohd Zanial bin Zakaria	DOE Putrajaya
Encik Mohd Riduan bin Ghani	DOE Putrajaya
Cik Zarina binti Abu	DOE Putrajaya
Puan Suhaila binti Ariffin	DOE Putrajaya
Prof. Madya. Dr. Joy Jacqueline Pereira	LESTARI, UKM
Dr. Ahmad Fariz Mohamed	LESTARI, UKM
Encik Shahrudin Idrus	LESTARI, UKM
Cik Jeingim @ Jenne Lajuni	LESTARI, UKM
Cik Choon Shay Wei	LESTARI, UKM

## BACKGROUND / LATAR BELAKANG

The Bandar Lestari-Environment Award is in line with the eight principles of the National Policy on the Environment. These principles are; stewardship of the environment, conservation of nature's vitality and diversity, continuous improvement in the quality of the environment, sustainable use of natural resources, integrated decision making, the role of the private sector, commitment and accountability and active participation in the international community. This awarding exercise intends to encourage Local Authorities or "Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)" to come forward in sharing their best practices and latest innovative approaches in managing their cities, to build up smart intercity partnerships.

Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar adalah selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara yang mempunyai lapan prinsip iaitu pengawasan alam sekitar, pemuliharaan ketahanan dan kepelbagaian alam, peningkatan berterusan kualiti alam sekitar, penggunaan lestari sumber-sumber asli, membuat keputusan bersepadu, peranan sektor swasta, komitmen dan kebertanggungjawaban, dan penglibatan aktif dalam masyarakat antarabangsa. Penganugerahan ini bertujuan untuk mengenengahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk berkongsi amalan baik mereka, berkongsi pendekatan yang inovatif daripada segi pengurusan bandar serta menjalin perkongsian bijak antara PBT.

Dasar Alam Sekitar Negara National Policy on the Environment		DASAR ALAM SEKITAR NEGARA National Policy on the Environment	
BANDU MALAY	CONTENTS	Risika Harau	Page
TIJUAN	OBJECTIVES		
PRINSIP	PRINCIPLES		1
1	Pengawasan Alam Sekitar Stewardship of the Environment		1
2	Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam Conservation of Nature's Vitality and Diversity		2
3	Peningkatan berterusan Kualiti Alam Sekitar Continuous Improvement in the Quality of the Environment		3
4	Penggunaan Lestari Sumber-sumber Asli Sustainable Use of Natural Resources		4
5	Keputusan Bersepadu Berbilang Pihak Integrated Decision Making		5
6	Peranan Sektor Swasta Role of the Private Sector		6
7	Komitmen dan Kertanggungjawaban Commitment and Accountability		7
8	Penglibatan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa Active Participation in the International Community		8
STRATEGI HIJAU	GREEN STRATEGIES		9
1	Pendidikan dan Kesedaran Education and Awareness		9

The Bandar Lestari-Environment Award is in line with Malaysia's National Policy on the Environment. Program Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar ini adalah selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara.

## ASPIRATIONS / *ASPIRASI*

The Bandar Lestari-Environment Award intends to promote a clean and healthy environment, the conservation of the country's natural heritage and also, bring together communities in building a clean, healthy city, in line with the eight principles of the National Policy on the Environment.

Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap persekitaran yang bersih dan sihat serta memulihara warisan semulajadi negara oleh pelbagai pihak berkepentingan yang selaras dengan lapan prinsip Dasar Alam Sekitar Negara.




Photo by / Foto oleh : Nik Mohd Noor Faizul Bin Md Saad.

The Bandar Lestari-Environment Award intends to promote a clean healthy environment and conservation of the country's natural heritage. A mangrove forest outside of Kemaman.

*Program Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar bertujuan untuk menggalakkan persekitaran yang bersih dan sihat serta bagi memulihara warisan asli negara. Hutan paya bakau di Kemaman.*

## CONCEPT / *KONSEP*

Bandar Lestari-Environment Award incorporates several issues of importance to sustainable development. These include:-

- Physical conditions
- Ecological well-being
- Urban environmental services
- Good governance
- Active community participation

Bandar Lestari menggabungkan beberapa aspek penting dalam pembangunan lestari termasuklah:

- Keadaan fizikal
- Keadaan ekologi
- Perkhidmatan alam sekitar
- Pentadbiran alam sekitar
- Penglibatan komuniti yang aktif

This Award intends to recognise Local Authorities that keep abreast of innovations and practices in creating and maintaining a healthy environment for human habitation.

Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf Pihak Berkuasa Tempatan yang mengamalkan amalan inovasi terkini serta mengekalkan persekitaran yang sihat.



The Bandar Lestari-Environment Award intends to recognise Local Authorities that keep abreast of innovations and practices in creating and maintaining a healthy environment for human habitation.

*Konsep Program Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar adalah untuk mengiktiraf Pihak Berkuasa Tempatan yang mengamalkan pendekatan inovatif dan amalan baik dalam mewujudkan serta mengekalkan alam sekitar yang sihat untuk habitat manusia.*

## DEFINITION / DEFINISI

There is no single definition of a sustainable city. A sample of the many definitions of a sustainable city include:

1. A city that is able to provide the basic needs of city inhabitants beside the necessary infrastructure of civic amenities, health and medical care, housing, education, transportation, employment, good governance, and take care of the population's needs and all sections of society without discrimination, and

Belum terdapat satu definisi bandar lestari yang dipersetujui oleh para pentadbir. Contoh-contoh definisi bandar lestari termasuklah;

1. Bandar yang mampu menyediakan keperluan asas kepada penduduknya selain daripada kemudahan infrastruktur awam, perkhidmatan kesihatan dan perubatan, perumahan, pendidikan, pengangkutan, pekerjaan, pentadbiran yang baik, dan menjaga keperluan penduduk dari semua lapisan masyarakat tanpa diskriminasi.

2. A city that enhances the economic, social, cultural and environmental well-being of current and future generations.

Several elements were selected to denote the sustainability of a city for the Bandar Lestari-Environment Award. These include physical conditions, ecological efforts, environmental governance, level of awareness and urban environmental services.

2. Bandar yang menambah baik tahap ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran pada masa kini dan juga pada masa hadapan.

Beberapa elemen penting telah dipilih yang melambangkan kelestarian sesebuah Bandar untuk Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar. Elemen-elemen ini termasuklah keadaan fizikal, inisiatif ekologi, pentadbiran alam sekitar, tahap kesedaran, dan perkhidmatan alam sekitar.

### OBJECTIVES / OBJEKTIF

- Recognise the work carried out by the administrators of local authorities with regard to environmental sustainability.
- Raise awareness regarding environmental sustainability at the local level and mobilise support within communities.
- Disseminate innovative approaches and examples of good practices towards environmental sustainability
- Mengiktiraf usaha Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada kelestarian alam sekitar.
- Meningkatkan kesedaran kelestarian alam sekitar di peringkat tempatan dan mendapatkan sokongan masyarakat.
- Mengembangkan pendekatan yang inovatif dan amalan baik ke arah kelestarian alam sekitar.

### EVALUATION CRITERIA / KRITERIA PENILAIAN

The Bandar Lestari-Environment Award is different from an all encompassing sustainable city award because the focus is narrowed to address the environmental aspect of a city's sustainability. The award recognises best practices in planning, maintaining and sustaining the physical environment of cities.

Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar adalah berbeza daripada anugerah-anugerah kelestarian bandar lain kerana ia tertumpu kepada aspek alam sekitar dalam kelestarian bandar. Anugerah ini mengiktiraf amalan baik dalam perancangan, penyelenggaraan dan mengekalkan persekitaran fizikal bandar.


**Approach**

The Bandar Lestari-Environment Award is based on five evaluation criteria as depicted in Figure 1.

**Pendekatan**

Pendekatan bagi penilaian Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar adalah berdasarkan kepada lima kriteria penilaian seperti dalam Rajah 1.

Figure 1 : Bandar Lestari - Environment Award : Assessment Criteria  
Rajah 1 : Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar : Kriteria Penilaian



## Physical Environment

Elements associated with this criterion are based on the extent of improvement to the surrounding physical environmental conditions conducive for urban living. Initiatives such as improved air and water quality, and the reduction of noise levels, among others, are taken into account.




Clean flowing water is vital to city dwellers for recreation. A section of Sarawak River making up the Kuching Water Front.

*Air sungai yang mengalir bersih adalah penting bagi para penduduk bandar untuk aktiviti rekreasi. Sebahagian daripada Sungai Sarawak yang mengindahkan Kuching Water Front*

## Ecological Initiatives

Elements related to this criterion are; the protection of the natural environment,



Maintaining natural habitats within a city is a challenge for Local Authorities. The green area of Lipis Town.

*Mengekalkan habitat semulajadi dalam kawasan bandar merupakan satu cabaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Kawasan hijau Pekan Lipis.*

## Persekitaran Fizikal

Elemen-elemen yang berkaitan dengan kriteria ini adalah tahap yang diambil untuk memperbaiki persekitaran fizikal bagi meningkatkan kehidupan di bandar. Inisiatif seperti memperbaiki kualiti udara, air dan pengurangan tahap bising juga diambil kira.



Strategically landscaped areas dotting a city enhance air quality and reduce noise levels. A well landscaped residential area in Shah Alam.

*Kawasan-kawasan yang dilandskap secara strategik di sekitar bandar dapat menambah baik kualiti udara serta mengurangkan bunyi bising. Kawasan perumahan di Shah Alam yang dilandskap dengan baik.*

## Inisiatif Ekologi

Elemen- elemen yang berkaitan dengan kriteria ini adalah seperti perlindungan



The urban forest of Majlis Bandaraya Kuching Selatan serves as an education centre as well as a much needed recreation area.

*Hutan bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan memenuhi keperluan sebagai pusat pembelajaran dan juga kawasan rekreasi yang sangat diperlukan.*

biodiversity-related or habitat enhancement initiatives; environmentally friendly innovations such as improving energy efficiency and the reduction of heat islands in the built environment; innovative practices like solar lighting, pedestrian malls, bicycle lanes, among others; and new technological and experimental practices such as use of alternative fuels or other environmentally friendly product development and usage.

### Environmental Governance

This criterion recognises leadership in environmental sustainability. Elements that are related to this category include incorporation of policies, practices and procedures that promote accountable and transparent governance; two-way communication with the community, including the extent to which issues such as public complaints are addressed; inculcation of stakeholder and community support; and the quality of environmental management training.



Photo by / Foto oleh  
Norazmi Bin Abdul Kadir

Promotion of awareness and capacity building for environmental management is important for sound environmental governance. Awareness exhibition on Peat Swamp in Pekan.

*Meningkatkan kesedaran dan pembangunan keupayaan dalam pengurusan persekitaran merupakan salah satu aspek pentadbiran alam sekitar. Pameran untuk meningkatkan kesedaran mengenai paya gambut di Pekan.*

kepada persekitaran semulajadi, inisiatif penambahbaikan kepelbagaian biologi dan habitat, inovasi mesra alam seperti penjimatan tenaga, kecekapan penggunaan tenaga, pengurangan pulau haba, amalan inovasi seperti penggunaan lampu solar, penyediaan laluan pejalan kaki dan lorong basikal, dan usaha menggunakan teknologi seperti penggunaan bahan bakar alternatif atau pembangunan produk mesra alam.

### Pentadbiran Alam Sekitar

Kriteria ini mengiktiraf kepimpinan dalam kelestarian alam sekitar. Elemen yang dirangkumi oleh kriteria ini termasuklah penerapan dasar, amalan dan prosedur yang menggalakkan pentadbiran yang telus dan dipercayai, kewujudan komunikasi dua hala dengan masyarakat seperti tahap pengendalian aduan, sokongan pihak berkepentingan dan masyarakat serta kualiti latihan pengurusan alam sekitar yang berkesan.



Photo by / Foto oleh  
Nik Mohd Noor Faizul Bin Md Saad

Two way communication between the community and Local Authority is vital for transparent governance. The Local Authority of Sibul briefing community leaders on the sustainability of Sibul Lake Garden. Komunikasi dua hala di antara komuniti dan Pihak Berkuasa Tempatan sangat penting untuk governans yang telus. Pihak Berkuasa Tempatan memberi taklimat kepada komuniti mengenai kelestarian Sibul Lake Garden.

### Education and Awareness

This criterion encompasses the area of education or communication that contributes to enhancing public awareness and understanding of environmental issues and initiatives. Elements that relate to this criterion include the relevance and impact of communication, target audiences and the effectiveness of communication mechanisms, whether individually or in collaboration with other organisations.



Photo by / Foto oleh  
Norazmi Bin Abdul Kadir

This billboard photographed in Majlis Daerah Lipis is a way of instilling awareness on maintaining a clean neighbourhood among residents.

*Penggunaan Papan Iklan oleh Majlis Daerah Lipis merupakan satu cara untuk meningkatkan kesedaran kepada penduduk mengenai penjagaan kebersihan di kawasan perumahan.*

### Urban Environmental Services

Initiatives that induct the practice of reducing, reusing and recycling of wastes as well as improvement of transport management systems will be recognised. Other elements that relate to this category include water and materials efficiency, clean-up projects, sanitation and waste effluent management.

### Pendidikan dan Kesedaran

Kriteria ini merangkumi aspek pendidikan atau komunikasi yang menyumbang kepada kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu dan inisiatif persekitaran. Elemen yang berkaitan termasuklah impak dan kerelevanan komunikasi, kumpulan sasaran dan keberkesanan mekanisme komunikasi sama ada secara bersendirian atau melalui kerjasama dengan organisasi lain.




Photo by / Foto oleh  
Norazmi Bin Abdul Kadir

Exhibition on handcraft made from recycled material is a method used by Kuching North Local Authority to increase public awareness and responsibility of city dwellers towards their environment. *Pameran barangan kraftangan yang diperbuat daripada bahan kitar semula telah digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Kuching Utara untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab penduduk bandar terhadap kawasan persekitaran mereka.*

### Perkhidmatan Alam Sekitar

Amalan untuk mengurangkan, menggunakan, dan mengitar semula bahan buangan serta peningkatan sistem pengurusan pengangkutan akan diiktiraf. Elemen lain termasuklah kecekapan penggunaan air dan sumber, projek pembersihan, pengurusan sanitasi dan effluen.

Photo by / Foto oleh  
Norazmi Bin Abdul Kadir



Recycling of organic material using low technology for a housing estate community is an effort embarked upon by Dewan Bandaraya Kota Kinabalu as one of its urban environment services.

*Kitar semula bahan organik dengan menggunakan teknologi rendah untuk komuniti perumahan telah dimulakan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai salah satu daripada perkhidmatannya.*



Photo by / Foto oleh  
Mohd Ridzuan Zulikiffy

A clean and well maintained recycling kiosk photographed in Subang Jaya.

*Kios kitar semula yang bersih dan diselenggara dengan baik di Subang Jaya.*

## SELECTION PROCESS / PROSES PEMILIHAN

1. The Bandar Lestari-Environment Award recognises Local Authorities or "Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)" of various sizes in term of area of jurisdiction, population size and operating budget.
  2. Local Authorities in this context encompasses state capitals, cities, municipalities and district councils.
  3. In order to create a level playing field these PBT are divided into three categories as described in the following sections.
1. Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar mengiktiraf Pihak Berkuasa Tempatan dari segi keluasan kawasan pentadbiran, jumlah penduduk, dan bajet operasi.
  2. Pihak Berkuasa Tempatan dalam definisi ini termasuklah ibu negeri, majlis dan dewan bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah.
  3. Bagi memastikan ketelusan dan keadilan dilaksanakan semasa penilaian, PBT dibahagikan kepada tiga kategori seperti yang dihuraikan di bawah.

### Category 1

Category 1 is exclusively for state capitals where participation is compulsory. Selection for this category begins by ranking the cities based on scoring information obtained from the Malaysian

### Kategori 1

Kategori 1 melibatkan ibu negeri di mana penglibatan dalam kategori ini diwajibkan. Pemilihan dalam kategori ini bermula dengan penarafan yang berdasarkan kepada markah yang diperolehi daripada

Urban Indicator Network (MURNInet) and reports from the Town and Country Planning Department (TCPD), Local Government Department (LGD) and Ministry of Health (MoH) (Figure 2).

penilaian maklumat dari Jaringan Petunjuk Bandar Malaysia (MURNInet) dan laporan daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, dan Kementerian Kesihatan (Rajah 2).

Figure 2 : Bandar Lestari - Environment Award  
Category 1 : Ranking and Awarding Process

Rajah 2 : Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar :  
Kategori 1: Proses Penarafan dan Penganugerahaan

Category 1: PBT state capitals  
*Kategori 1: PBT Ibu Negeri*



Ranking Process  
*Proses Penarafan*



List of PBT that  
qualifies under the  
awarding process  
*Senarai PBT Ibu Negeri  
yang layak ke proses  
penganugerahaan*



Awarding Process  
*Proses Penganugerahan*

WINNER Anugerah  
Bandar Lestari Category 1  
*PEMENANG Anugerah  
Bandar Lestari Kategori 1*

**SOURCES OF INFORMATION:**

- TCPD (MURNInet)
- LGD ( LA21 Report)
- LGD (Recycling Programme Report)
- MoH (Dengue rate information)

**SUMBER MAKLUMAT:**

- JPBD (MURNInet)
- JKT (Laporan LA21)
- JKT (Laporan Program Kitar Semula)
- Kementerian Kesihatan (Maklumat Kadar Denggi)

**SOURCES OF INFORMATION:**

- Information Requisition Form
- DOE – Physical Parameters
- Opinion Survey
- Field Assessment

**SUMBER MAKLUMAT:**

- Borang Perolehan Maklumat
- JAS – Parameter Fizikal
- Tinjauan Pendapat
- Lawatan Lapangan

**Category 2**


Category 2 consists of cities and municipalities. PBT participation in this exercise is by nomination from the state government (Figure 3).

**Kategori 2**

Kategori 2 melibatkan PBT Bandaraya dan Majlis Perbandaran. Bagi kategori ini penyertaan adalah dicalonkan oleh Kerajaan negeri (Rajah 3).

Figure 3 : Bandar Lestari - Environment Award :  
Category 2 : Awarding Process

Rajah 3 : Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar :  
Kategori 2 : Proses Penganugerahaan

**SOURCES OF INFORMATION:**

- Information Requisition Form
- Latest PBT Annual Report
- DOE - Physical Parameters
- Opinion survey
- Field Assessment

**SUMBER MAKLUMAT:**

- Borang Perolehan Maklumat
- Laporan Tahunan Terkini PBT
- JAS--Parameter Fizikal
- Tinjauan Pendapat
- Penilaian Lapangan

**Category 3**


Category 3 consists of District Councils. Participation in this exercise is by nomination from the state government (Figure 4).

**Kategori 3**

Kategori 3 merangkumi PBT Majlis Daerah. Penyertaan PBT ini adalah melalui pencalonan daripada kerajaan negeri (Rajah 4).

Figure 4 : Bandar Lestari - Environment Award :  
Category 3 : Awarding Process

Rajah 4 : Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar :  
Kategori 3 : Proses Penganugerahaan



**SOURCES OF INFORMATION:**

- Information Requisition Form
- Latest PBT Annual Report
- DOE - Physical Parameters
- Opinion survey
- Field Assessment

**SUMBER MAKLUMAT:**

- Borang Perolehan Maklumat
- Laporan Tahunan Terkini PBT
- JAS-Parameter Fizikal
- Tinjauan Pendapat
- Penilaian Lapangan

## EVALUATION PROCESS / PROSES PENILAIAN

The evaluation process to select the recipient for the Bandar Lestari -Environment Award involves four separate activities. These are evaluation of a city brief, evaluation of physical parameters, public opinion survey and field evaluation.

The Award Secretariat invites all the relevant Local Authorities (PBT) to participate through the submission of a completed Participation Form signed by the Mayor for Category 1 and the Council President for Category 2 and 3. An Information Requisition Form should be submitted within a stipulated time frame. Only Local Authorities that return the completed Information Requisition Form (Appendix 1) are accepted as a participant in this initiative.

### Evaluation of City Brief

Each participating PBT is required to submit information related to the five evaluation criteria by completing the

Proses penilaian untuk memilih penerima Bandar lestari-Anugerah alam Sekitar melibatkan empat aktiviti yang berasingan, iaitu penilaian Ringkasan Bandar, penilaian parameter fizikal, soal selidik pendapat awam dan penilaian lapangan.

Urus setia anugerah menjemput semua PBT yang telah dicalonkan oleh kerajaan negeri masing masing untuk menyertai inisiatif ini dengan mengisi Borang Penyertaan dan Borang Perolehan Maklumat yang perlu diisi dalam jangka masa yang ditetapkan. Hanya PBT yang memulangkan Borang Perolehan Maklumat yang lengkap diterima sebagai peserta inisiatif ini.

### Penilaian Ringkasan Bandar

Setiap PBT yang menyertai program ini dikehendaki menyerahkan maklumat yang berkaitan dengan lima kriteria penilaian dengan mengisi Borang

RINGKASAN BANDAR		
Majlis Perbandaran Kemaman		
Kriteria	Penunjuk	Nota
Persekitaran Fizikal	Peratus kawasan hijau contohnya padang, taman dan lain-lain Tahun 2005 & Tahun 2006. Tiada Maklumat	Maklumat berdasarkan data sepanjang Tahun 2005
Nota: Tidak dapat ditentukan kerana maklumat tidak lengkap dari segi jumlah kawasan hijau		
BORANG PEMARKAHAN BAGI RINGKASAN BANDAR		
Kategori 1: DB Kuching Utara		
Kriteria	Parameter	
Persekitaran Fizikal	Peratus kawasan hijau contohnya padang, taman dan lain-lain	
Perilakuan peningkatan persekitaran yang ditunjukkan		

Each participating Local Authority is requested to submit information via the Information Requisition Form which is used to prepare a City Brief to be evaluated by the Independent Assessment Panel.

Setiap Pihak Berkuasa Tempatan yang menyertai inisiatif ini dikehendaki mengisi Borang Perolehan Maklumat untuk penyediaan Ringkasan Bandar yang akan dinilai oleh para Panel Penilai Bebas.

Information Requisition Form (Appendix 1). Based on the information submitted, the Award Secretariat and the Working Committee prepares a City Brief for each of the PBT. An Independent Assessment Panel makes the evaluation. Scoring is based on standardised performance indicators.

### Evaluation of Physical Parameters

This assessment is based on data obtained from monitoring stations located within the participating cities. The data includes water quality, air quality and noise levels.

### Opinion Survey

This process involves interviewing 60 respondents using the stratified random sampling method with the aim of obtaining views of the community with respect to matters related to the physical environment, ecological initiatives, environmental governance, education and awareness and environmental services, which are the five criteria used in assessing the PBT.

Perolehan Maklumat (Lampiran 1). Berdasarkan maklumat yang diberi Urus setia Penganugerahan menyediakan Ringkasan Bandar bagi setiap PBT. Penilaian dibuat oleh Panel Penilai Bebas. Pemberian markah berasaskan kepada penunjuk piawai.

### Penilaian Parameter Fizikal

Penilaian ini adalah berdasarkan kepada data harian yang diperolehi daripada stesen stesen pemantau yang terletak dalam kawasan PBT. Data yang dinilai termasuklah kualiti air, kualiti udara dan tahap bising.

### Soal Selidik Pendapat Awam

